

# ANTARA 'TANGGANG MODEN' & BELAS EHSAN TERHADAP IBUBAPA

Oleh : Nurul Huda Hussain



Sejujurnya saya bukanlah individu yang layak untuk berkongsi ilmu keibubapaan. Baru 11 tahun berkahwin dan dikurniakan tiga cahayamata, apalah sangat kalau nak dibandingkan dengan anda yang jauh lebih berpengalaman menguruskan anak-anak dan rumahtangga. Tetapi saya percaya, anda pasti bersetuju jika dirumuskan bukan senang nak besarkan anak-anak zaman sekarang. Sebutlah Gen Z, Alpha atau apa jua panggilan mahupun singkatan; cabarannya bukan kepalang.

Sudahlah diasak dengan kos sara hidup yang semakin meningkat, ledakan media sosial dan segala macam teknologi canggih yang menghambat masa; sukar bagi kita untuk memantau setiap gerak-geri anak-anak. Apatah lagi mereka seakan lahir untuk mengenali dan mahir dengan segala aplikasi, muat naik muat turun, hingga kita pula yang mereka ajari perlu tekan itu dan ini. Tidak kurang ada yang naik gerun dan takut pula bila semuanya boleh diakses di hujung jari.

Pokok pangkalnya kita sebagai ibu bapa yang bertanggungjawab mengawalinya. Sama ada menetapkan had atau tempoh waktu tertentu untuk menggunakan gajet atau ada syarat- syarat tertentu yang dirasakan relevan sesuai dengan keadaan anak-anak.


Dan bercakap mengenai media sosial, platform ini terbuka luas untuk sesiapa sahaja singgah, lihat dan menularkan apa jua kandungan yang dimuat naik. Apa jua objektifnya, hanya pemilik akaun tersebut sahaja yang tahu motifnya. Nak kejar 'likes', 'views' atau suka menjadi tumpuan hingga sanggup dikecam netizen – Semuanya berbalik kepada individu itusendiri.

Seperti apa yang kita lihat di media sosial apabila tergamaknya seorang anak ini meninggalkan ibunya di tandas awam di sebuah kompleks. Dan usai 'misi' itu selesai, pulang saja ke rumah berani pula menceritakan lantas merakamkan setiap perbuatan terkutuk itu secara langsung di media sosial. Seolah-olah bangga meninggalkan si ibu ini hingga tergamak mengambil RM400 yang juga milik ibunya.



Tetaplah ingat dan kenang segala jasa juga budi kedua ibu bapa yang membesarkan kita selama ini. Benar, tidak mudah menjaga emak ayah yang semakin berusia dan banyak karenahnya. Lebih-lebih lagi mereka yang diduga dengan masalah kesihatan. Sungguh ia benar-benar menguji kesabaran dan keimanan.

Sama ada sedar atau tidak, itulah karenah kita semasa kecil dahulu. Banyak 'songeh'nya dan emak ayah tetap bersabar, beri segala didikan sehabis baik untuk menjadikan kita anak yang soleh dan solehah seperti apa yang diimpikan setiap yang bergelar ibu bapa. Takkanlah pula apabila sudah besar panjang, tergamak meninggalkan mereka begitu sahaja? Sedangkan waktu kecil dahulu, emaklah yang mengendong kita, mengusung perutnya ke sana sini. Bertarung nyawa demi melahirkan zuriat yang diharapkan dapat menjaganya hingga ke akhir nafasnya.






Sungguh, ini bukan kali pertama kita terdengar atau terbaca kes anak meninggalkan emak ayah. Itu belum dikira ada yang sanggup meninggalkan emak ayah di rumah orang tua, tinggalkan di tepi jalan dan banyak lagi. Sudah hilangkah sifat perikemanusiaan dan belas ehsan seorang insan? Sedangkan binatang sendiripun sayangkan anak, inikan pula manusia yang sempurna sifat dan akal fikirannya. Beringatlah, hari ini apa yang anda lakukan, apa jua lontaran suara yang dilemparkan terhadap emak ayah akan menjadi ikutan anak-anak anda pula kelak. Sanggupkan meniti usia emas berselimutkan rasa dendam, benci dan keji? Fikir- fikirkan.



*Huda*  
**MENULIS**



**SEDANGKAN  
BINATANG  
SENDIRIPUN  
SAYANGKAN  
ANAK, INIKAN  
PULA MANUSIA**